

PEMBANGUNAN MODUL WATAK BAGI
KEMAHIRAN MEMBINA AYAT
BAHASA MELAYU MURID
SEKOLAH TAMIL

REVATHI A/P RAJA GOPAL

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
2023

**PEMBANGUNAN MODUL WATAK BAGI KEMAHIRAN MEMBINA AYAT
BAHASA MELAYU MURID SEKOLAH TAMIL**

REVATHI A/P RAJA GOPAL

**TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH
IJAZAH DOKTOR FALSAFAH**

**FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2023



Sila tanda (✓)

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 16 (hari bulan) Mei (bulan) 2023

i. Perakuan pelajar:

Saya, **REVATHI A/P RAJA GOPAL, P20172002281, FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI** dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk **PEMBANGUNAN MODUL WATAK BAGI KEMAHIRAN MEMBINA AYAT BAHASA MELAYU MURID SEKOLAH TAMIL** adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan se jelasnya dan secukupnya.

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, **PROFESOR MADYA DR. DAHLIA BT. JANAN** dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk **PEMBANGUNAN MODUL WATAK BAGI KEMAHIRAN MEMBINA AYAT BAHASA MELAYU MURID SEKOLAH TAMIL** dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh **DOKTOR FALSAFAH (PENDIDIKAN BAHASA).**

16.05.2023

Tarikh

PROF. MADYA DR. DAHLIA BT. JANAN
Fakulti Bahasa dan Komunikasi
Universiti Pendidikan Sultan Idris
dahlia@fbk.upsi.edu.my

Tandatangan Penyelia


 UPSI/PS-3/BO.31
 Pind. 00 m/s: 1/1

**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
 INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**
**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
 DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

 Tajuk / Title: PEMBANGUNAN MODUL WATAK BAGI KEMAHIRAN MEMBINA
 AYAT BAHASA MELAYU MURID SEKOLAH TAMIL

 No. Matrik / Matric's No.: P20172002281
 Saya / I: REVATHI A/P RAJA GOPAL

(Nama pelajar / Student's Name)

 mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Doktor Falsafah/Sarjana)* ini
 disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat
 kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris.
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan sahaja.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of research only.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran
 antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Perpustakaan tidak dibenarkan membuat penjualan salinan Tesis/Disertasi ini bagi kategori
TIDAK TERHAD.
The Library are not allowed to make any profit for 'Open Access' Thesis/Dissertation.
5. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

☐ **SULIT/CONFIDENTIAL**

 Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan
 Malaysia seperti yang termaklud dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. /
 Contains confidential information under the Official Secret Act 1972.

☐ **TERHAD/RESTRICTED**

 Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh
 organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains
 restricted information as specified by the organization where research
 was done.

☒ **TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**
PROF. MADYA DR. DAHLIA JANAH
 Fakulti Bahasa dan Komunikasi
 Universiti Pendidikan Sultan Idris
 dahlia@fbk.upsi.edu.my

 (Tandatangan Pelajar / Signature)

 Tarikh: 16.05.2023

 (Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
 & (Nama & Cap Rasmi / Name & Official Stamp)

 Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan
 dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

 Notes: If the thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach with the letter from the organization with period and
 reasons for confidentiality or restriction.



PENGHARGAAN

Penghargaan yang tidak terhingga kepada Tuhan yang memberikan kekuatan serta pengalaman yang tidak terhingga sehingga saya dapat penyempurnaan penyelidikan dan dokumentasi ini. Semua ini berkat dari dorongan dan sokongan jitu Penyelia Utama, Yang Berbahagia Profesor Madya Dr. Dahlia bt. Janan dan Penyelia Kedua Profesor Madya Dr. Nasir bin Masran. Penghargaan juga ditujukan kepada kakitangan Pusat Pengajian Siswazah, Fakulti Bahasa dan Komunikasi serta Fakulti Pendidikan dan Pembangunan Manusia atas segala kerjasama yang diberikan sepanjang pengajian saya di UPSI.

Ucapan terima kasih juga diucapkan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia dan Jabatan Pendidikan Negeri Perak, kerana memberikan saya Biasiswa Hadiah Latihan Persekutuan Separuh masa (HLPS) untuk melanjutkan pengajian saya dan kebenaran untuk menjalankan kajian ini. Seterusnya, sekalung penghargaan ditujukan kepada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Pejabat Pelajaran Daerah Kinta Utara, Perak yang memberikan kebenaran bagi menjalankan kajian ini pada sekolah-sekolah yang terpilih serta Tuan/Puan Guru Besar, Jurulatih Utama Bahasa Melayu, Guru Cemerlang serta guru-guru subjek Bahasa Melayu di Sekolah Tamil di seluruh negeri Perak yang membantu menjawab soal selidik secara suka rela. Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada pensyarah-pensyarah Universiti Pendidikan Sultan Idris yang sudi memberikan komen sewaktu penulisan kajian ini dan memberikan panduan dalam menyiapkan penyelidikan ini.

Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada suami yang disayangi En. Jeganathan a/l Veerasingam serta anak-anak yang dikasihi iaitu Nethiasingam a/l Jeganathan dan Arvinsingam a/l Jeganathan kerana sanggup memberi motivasi sepanjang penyelidikan ini. Kajian ini mungkin tidak berjaya tanpa bantuan dan sokongan moral daripada mereka semua.

Sekian, terima kasih.



ABSTRAK

Kajian ini bertujuan membangunkan sebuah modul pengajaran dan pembelajaran bagi membantu guru yang mengajar murid Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) di Tahun Empat menghasilkan struktur ayat yang lengkap dengan tatabahasa yang betul. Kajian Reka bentuk dan Pembangunan (*Design and Development Research Approach, DDR*) telah digunakan bagi membangunkan modul WATAK dengan kaedah Jadual Ansir Maju (JAM). Sampel kajian terdiri daripada 133 orang guru Bahasa Melayu di SJKT yang terlibat dalam Fasa I dan Fasa III. Manakala 18 orang panel pakar yang terdiri daripada SISC+, munsyi bahasa, jurulatih utama kebangsaan dan negeri, guru cemerlang, pensyarah maktab, ketua panitia dan guru mata pelajaran dilibatkan dalam Fasa II. Dapatan kajian terbahagi kepada tiga fasa. Dapatan Fasa I Analisis Keperluan menunjukkan kesemua responden kajian ($N = 119$) bersetuju terhadap pembangunan modul WATAK. Selain itu, dapatan analisis dokumen menunjukkan terdapat lapan aspek masalah penulisan yang sering dilakukan oleh murid sekolah Tamil iaitu kesalahan tatabahasa dari aspek ejaan, imbuhan, tanda baca, kekurangan kosa kata, menulis ayat tergantung, kelemahan membina ayat aktif dan membina struktur ayat yang lemah. Analisis dokumen yang dijalankan telah menyokong dapatan Fasa I. Dapatan Fasa Reka Bentuk dan Pembangunan menunjukkan bahawa kesemua panel pakar telah mencapai kesepakatan bersama bagi kesemua konstruk dan item dengan nilai threshold ($d \leq 0.2$), peratus kesepakatan pakar $> 75\%$ dan nilai Alpha Cut > 0.5 . Bagi Fasa Penilaian, melalui Teknik Kumpulan Nominal Ubahsuai (*Modified NGT*), kumpulan pelaksana telah berjaya memberi persetujuan melebihi 80% terhadap setiap elemen. Kesimpulannya, modul yang berasaskan kaedah JAM berkesan dalam meningkatkan pengetahuan murid dalam konteks kajian. Dapatan penilaian kebolegunaan menunjukkan modul WATAK memang cekap dan berguna sebagai bahan sokongan untuk melaksanakan pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah. Impikasinya, sekolah-sekolah SJK boleh melaksanakan pengajaran dan pembelajaran menggunakan kaedah JAM dalam meningkatkan mutu pembinaan ayat dalam kalangan murid sekolah Tamil.

DEVELOPMENT OF MODULE WATAK TO IMPROVE MALAY SENTENCE SKILLS FOR TAMIL SCHOOL STUDENTS

ABSTRACT

This study aimed to design and develop a teaching and learning module to help teachers who teach Tamil School (SJKT) students in Year Four to construct a complete sentence structure with correct grammar with Advanced Compromise Schedule (JAM) method. Design and Development (DDR) methodology was used in the study. The study sample consisted of 133 Malay language teachers in SJKT who were involved in phase I and Phase III. Meanwhile, 18 expert panels consisting of SISC+, language teachers, national and state head coaches, outstanding teachers, college lecturers, committee heads and subject teachers were involved in phase II. The findings of the study are divided into three phases, namely Phase One of the Needs Analysis showed that all respondents of the study (N = 119) agreed on the development of the WATAK module. In addition, the findings of document analysis show that there are eight aspects of writing problems that are often done by Tamil school children, namely grammatical errors in terms of spelling, punctuation, lack of vocabulary, hanging sentences, weakness in constructing active sentences and building weak sentence structure. The document analysis conducted supported the findings of Phase I. The findings of the Design and Development Phase showed that all expert panels had reached a mutual agreement for all constructs and items with a threshold value ($d \leq 0.2$), expert agreement percentage $> 75\%$ and Alpha Cut value > 0.5 . For the Evaluation Phase, through the Modified Nominal Group Technique (Modified NGT), the implementing group has successfully given consent of more than 80 % on each element. In conclusion, the module based on the JAM method is very effective in improving students' knowledge in the context of the study. The findings of the usability assessment show that the WATAK module is efficient and useful as a support material to implement teaching and learning in the classroom. The implication is that SJK schools can implement teaching and learning using the JAM method in improving the quality of sentence construction among Tamil school students.

**SENARAI KANDUNGAN****Muka Surat**

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
SENARAI KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xv
SENARAI RAJAH	xix
SENARAI SINGKATAN	xxi

**BAB 1 PENDAHULUAN**

1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	3
1.3	Pernyataan Masalah	12
1.4	Tujuan Kajian	25
1.5	Objektif Kajian	25
1.6	Persoalan Kajian	29
1.7	Kepentingan Kajian	32
1.7.1	Kepentingan Modul kepada Murid	32
1.7.2	Kepentingan Modul kepada Guru	33
1.8	Batasan Kajian	35



1.9	Kerangka Konseptual Kajian	35
1.10	Definisi Istilah	39
1.10.1	Modul WATAK	39
1.10.2	Kemahiran Membina Ayat	40
1.10.3	Murid Tahun Empat Sekolah Rendah Tamil (SJKT)	41
1.10.4	Gaya Pembelajaran Sekuential	41
1.11	Kesimpulan	42

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	43
2.2	Teori Sandaran Pembelajaran Bahasa	44
2.2.1	Teori dalam Pemerolehan dan Pembelajaran Bahasa	44
2.2.1.1	Teori Krashen (1981): Pemerolehan dan Pembelajaran Bahasa Kedua	50
2.2.2	Teori-Teori Pembelajaran lain yang terlibat	54
2.2.2.1	Teori Behaviorisme	54
2.2.2.2	Teori Konstruktivisme	58
2.2.2.3	Aplikasi Teori Konstruktivisme dalam Kajian	60
2.3	Model Sandaran Proses Penulisan	66
2.3.1	Teori dan Model Penulisan	66
2.3.1.1	Model Penulisan Hayes dan Flower (1980)	67
2.3.1.2	Model Penulisan Bereiter dan Scardamalia (1987)	70
2.3.2	Kemahiran Menulis	73
2.3.2.1	Kemahiran Menulis KSSR Tahun Empat SJKT	81

2.3.2.2 Aspek Sintaksis	86
2.3.2.3 Murid Sekolah Tamil (SJKT)	93
2.3.2.4 Kewajaran Modul Pengajaran dan Pembelajaran Penulisan	96
2.4 Konsep Asas Pembangunan Modul	104
2.5 Model Sandaran Pembangunan Modul	104
2.5.1 Model-model Pembangunan Isi Kandungan	104
2.5.1.1 Model Gaya Pembelajaran Felder-Silverman (FSLSM)	105
2.5.1.2 Gaya Pembelajaran Sekuential	105
2.5.2 Model-Model untuk Pembangunan Modul	108
2.5.2.1 Model Mckillip (1987)	108
2.5.2.2 Model Kurikulum Modul TABA (1962)	112
2.5.2.3 Model Pembinaan Modul Sidek (MPMS) 2001	114
2.6 Kerangka Teorikal Kajian	116
2.7 Kesimpulan	121

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan	122
3.2 Reka Bentuk Kajian	123
3.2.1 Kerangka Metodologi Kajian	127
3.2.2 Reka Bentuk Modul	128
3.2.3 Langkah (Komponen) Model TABA yang Digunakan dalam Kajian	129
3.2.4 Model Pembinaan Modul Sidek (MPMS) 2001 dalam Kajian Ini	131

3.3	Prosedur Kajian	133
3.3.1	Fasa Analisis Keperluan	134
3.3.2	Fasa Reka Bentuk dan Pembangunan	137
3.3.3	Fasa Penilaian	142
3.4	Fasa Analisis Keperluan	145
3.4.1	Populasi Fasa Analisis Keperluan	146
3.4.2	Persampelan Fasa Analisis Keperluan: Borang Soal Selidik Guru	147
3.4.3	Persampelan Fasa Analisis Keperluan: Analisis Dokumen	149
3.4.4	Instrumen Fasa Analisis Keperluan	150
3.4.5	Kesahan Instrumen Fasa Analisis Keperluan	153
3.4.6	Kebolehpercayaan Instrumen Fasa Analisis Keperluan	154
3.4.7	Analisis Dokumen	156
3.4.8	Pengumpulan Data Fasa Analisis Keperluan	158
3.4.9	Penganalisan Data Fasa Analisis Keperluan: Soal Selidik Guru	159
3.5	Fasa Mereka Bentuk Modul	160
3.5.1	Teknik <i>Fuzzy</i> Delphi	160
3.5.2	Persampelan Fasa Mereka Bentuk	162
3.5.3	Instrumen Kajian Fasa Mereka Bentuk	165
3.5.4	Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen Fasa Mereka Bentuk	169
3.5.5	Pengumpulan Data Fasa Mereka Bentuk	172
3.5.6	Penganalisan Data Fasa Reka Bentuk	174
3.6	Fasa Penilaian Kebolehgunaan Modul	182

3.6.1	Pendekatan Teknik Kumpulan Nominal (NGT)	183
3.6.2	Persampelan Fasa Penilaian Kebolehgunaan	185
3.6.3	Instrumen Fasa Penilaian Kebolehgunaan Modul	187
3.6.4	Prosedur Pengumpulan Data Fasa Penilaian Kebolehgunaan	189
3.6.5	Penganalisan Data Fasa Penilaian Kebolehgunaan Modul	193
3.7	Matriks Kajian Pembangunan Modul WATAK	197
3.8	Kesimpulan	202

BAB 4 FASA MEREKA BENTUK DAN PEMBANGUNAN MODUL WATAK

4.1	Pengenalan	204
4.2	Fasa I: Fasa Analisis Keperluan	205
4.3	Analisis Mereka bentuk Modul WATAK	208
4.3.1	Dapatan Langkah 1: Pembangunan Komponen Utama Modul WATAK	210
4.3.2	Dapatan dan Analisis Kajian Fasa II: Mereka bentuk Modul	213
4.3.2.1	Dapatan Langkah II: Pengesahan Komponen Utama Modul WATAK	215
4.3.2.2	Panel Pakar Bagi Komponen Utama Modul WATAK	220
4.4	Fasa Penilaian Kebolehgunaan	223
4.5	Fasa Pembangunan: Proses Pembangunan Modul	228
4.5.1	Pembentukan Variasi Ayat berdasarkan Rumus WATAK	237
4.5.2	Rubrik Penskoran	239

4.6	Prosedur Pembangunan Modul WATAK	240
4.6.1	Tatacara Pembinaan Latihan Modul WATAK	248
4.6.2	Keunikkan Modul WATAK	260
4.7	Rumusan Dapatan dan Analisis Fasa Pembangunan	267

BAB 5 ANALISIS DAPATAN KAJIAN

5.1	Pengenalan	268
5.2	Analisis Dapatan Kajian Fasa I: Fasa Analisis Keperluan	270
5.2.1	Fasa Analisis Keperluan: Soal Selidik Guru	270
5.2.1.1	Demografi	270
5.2.1.2	Analisis Data Soal Selidik Guru	272
5.2.2	Analisis Dapatan Kajian Fasa I: Analisis Dokumen	297
5.2.2.1	Demografi Responden Kajian (Murid)	297
5.2.2.2	Analisis Dokumen Murid	298
5.2.2.3	Dapatan Analisis Buku Latihan Penulisan Murid	298
5.3	Rumusan Dapatan Fasa I: Fasa Analisis Keperluan	309
5.4	Analisis Dapatan Fasa Mereka Bentuk	310
5.4.1	Analisis Dapatan Kajian Fasa II: Analisis Dapatan Fasa Reka Bentuk	310
5.4.2	Analisis Data Soal Selidik Pakar	311
5.4.2.1	Dapatan Komponen Utama Modul WATAK Berdasarkan Kaedah <i>Fuzzy</i> Delphi (FDM)	311
5.5	Rumusan Dapatan Kajian Fasa Reka Bentuk dan Pembangunan Modul	345
5.6	Analisis Dapatan Kajian Fasa III: Fasa Kebolegunaan Modul	345

5.6.1	Demografi Responden Kajian dalam Fasa Penilaian	345
5.6.1.1	Analisis Soal Selidik Kumpulan Pelaksana	347
5.7	Rumusan Dapatan Kajian Fasa Penilaian Kebolehgunaan Modul WATAK	373
BAB 6	RUMUSAN, PERBINCANGAN, IMPIKASI KAJIAN DAN CADANGAN	
6.1	Pengenalan	375
	Ringkasan Kajian	376
	Rumusan Dapatan Kajian	378
6.3.1	Rumusan Persoalan Kajian 1: Fasa Analisis Keperluan	378
6.3.2	Rumusan Persoalan Kajian 2: Fasa Reka Bentuk dan Pembangunan	383
6.3.3	Rumusan Persoalan Kajian 3: Fasa Penilaian	384
6.4	Perbincangan Dapatan Kajian	385
6.4.1	Perbincangan Dapatan Fasa I: Fasa Analisis Keperluan (<i>Need Analysis</i>)	385
6.4.2	Perbincangan Dapatan Fasa II: Fasa Reka Bentuk dan Pembangunan	394
6.4.3	Perbincangan Dapatan Fasa III: Fasa Penilaian Kebolehgunaan	396
6.4.4	Perbincangan Keseluruhan Kebolehgunaan Modul WATAK	399
6.5	Implikasi Kajian	401
6.5.1	Implikasi Praktikal	401
6.5.2	Implikasi Amalan	402
6.6	Cadangan Kajian Lanjutan	404

6.6.1	Kaedah Kajian	404
6.6.2	Bilangan Sampel	405
6.6.3	Kaedah Pengajaran	406
6.6.4	Mata Pelajaran Bahasa Tamil dan Bahasa Inggeris	406
6.6.5	Teknik Didik Hibur	407
6.6.6	Permainan Tatabahasa	407
6.6.7	Bentuk Modul	408
6.6.8	Rumus Pola Ayat	408
6.7	Kesimpulan	409
	RUJUKAN	412
	LAMPIRAN	



SENARAI JADUAL

Jadual	Muka Surat
1.1 Standard Prestasi Kemahiran Menulis Tahun 1 dan Tahun 6	7
2.1 Rumus Hipotesis Input	54
2.2 Kemahiran Menulis dan Aspek Tatabahasa	83
2.3 Aspek Sintaksis	85
2.4 Standard Prestasi Kemahiran Menulis Tahun Empat SJKT	88
2.5 Rumus Modul WATAK	92
3.1 Kajian Berdasarkan Pendekatan DDR	124
3.2 Jenis Kajian Reka Bentuk dan Pembangunan	126
3.3 Komponen Model TABA dalam Pembangunan Modul WATAK	130
3.4 Model Pembinaan Modul Sidek Fasa Pertama Pembangunan Modul WATAK	132
3.5 Populasi Guru Bahasa Melayu Tahun Empat SJKT Mengikut Daerah	147
3.6 Interpretasi Skor <i>Alpha Cronbach</i>	156
3.7 Senarai Pakar dalam Teknik FDM	165
3.8 Skala Variabal Lingustik Tujuh Mata	168
3.9 Konstruk dan Item-item Tajuk dan Subtajuk Kerangka Modul WATAK Berdasarkan Persepakatan Pakar	171
3.10 Skala Pembolehubah Tujuh Mata	177
3.11 Contoh Peratusan Kesepakatan Pakar	180
3.12 Konstruk dan Item-item Tajuk dan Subtajuk Kebolegunaan Modul WATAK	189
3.13 Skala Likert Tujuh Mata	189





3.14	Prosedur dan Langkah menggunakan Pendekatan Teknik Kumpulan Nominal (NGT)	192
3.15	Contoh Penganalisisan berdasarkan Pendekatan Teknik Kumpulan Nominal (NGT)	196
3.16	Contoh Pengiraan Peratus Skor	197
3.17	Matriks Kajian untuk Pembangunan Modul WATAK bagi Kemahiran Membina Ayat Bahasa Melayu Murid Tahun Empat SJKT	198
4.1	Penerimaan Maklum Balas Soal Selidik	206
4.2	Langkah bagi Analisis Reka Bentuk Modul WATAK dan Persoalan kajian	209
4.3	Reka Bentuk dan Perincian Utama Modul WATAK berdasarkan Model TABA	211
4.4	Langkah-Langkah Teknik <i>Fuzzy Delphi</i>	213
4.5	Pengukuran dan Penggantian Aspek Kemahiran Menulis	218
4.6	Pengukuran dan Penggantian Aspek Tatabahasa	218
4.7	Kriteria Kelayakan Panel Pakar	221
4.8	Perwakilan Kod Pakar Kajian dalam Teknik Kumpulan Nominal (NGT)	225
4.9	Pembentukan Variasi Ayat	238
4.10	Rubrik Penskoran dan Tahap Penguasaan Murid	240
4.11	Tahap Penguasaan Murid Berdasarkan Markah	242
4.12	Proses Pembangunan Modul	243
4.13	Tahap Penguasaan Murid Berdasarkan Markah	260
5.1	Interprestasi Data	269
5.2	Demografi Responden Kajian	271
5.3	Persepsi Guru Terhadap Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu	273
5.4	Perancangan Guru dan Persepsi Guru	274





5.5	Tahap Penguasaan Asas Kemahiran Menulis	277
5.6	Tahap Penguasaan Murid dalam Kemahiran Membina Ayat	278
5.7	Tahap Penguasaan Murid dalam Aspek Tatabahasa	280
5.8	Penggunaan Bahan bantu Mengajar	282
5.9	Strategi Pengajaran Guru	284
5.10	Kekangan terhadap Bahan Bantu Mengajar	285
5.11	Kelebihan Modul Pengajaran dan Pembelajaran	286
5.12	Persepsi Guru Terhadap Modul Pengajaran dan Pembelajaran	290
5.13	Kekangan Guru	291
5.14	Kelemahan Aspek Tatabahasa	294
5.15	Pengaruh Bahasa Ibunda	295
5.16	Persetujuan Pembinaan Modul Pembelajaran Bahasa Melayu	296
5.17	Taburan Murid Mengikut Sekolah	297
5.18	Dapatan Analisis Buku Latihan Penulisan Murid dalam kemahiran menulis ayat	299
5.19	Nilai <i>Threshold (d)</i> Elemen Objektif Guru	312
5.20	Elemen Objektif Modul WATAK Aspek Guru berdasarkan Analisis <i>Fuzzy Delphi</i> (FDM) dan cadangan pakar	314
5.21	Nilai <i>Threshold (d)</i> Elemen Objektif Murid	315
5.22	Elemen Objektif Modul WATAK Aspek Murid berdasarkan Analisis <i>Fuzzy Delphi</i> (FDM) dan Cadangan Pakar	318
5.23	Nilai <i>Threshold (d)</i> Elemen kandungan Latihan Modul WATAK	319
5.24	Elemen Kandungan Latihan Modul WATAK berdasarkan Analisis <i>Fuzzy Delphi</i> (FDM) dan Cadangan Pakar	323
5.25	Nilai <i>Threshold (d)</i> elemen Isi Kandungan Modul	325



5.26	Elemen Kandungan Latihan Modul WATAK berdasarkan Analisis <i>Fuzzy Delphi</i> (FDM) dan Cadangan Pakar	328
5.27	Nilai <i>Threshold (d)</i> Elemen Strategi Penyampaian (Latihan Modul WATAK) modul	331
5.28	Elemen Strategi Penyampaian (Latihan) Modul WATAK Modul berdasarkan Cadangan Pakar	335
5.29	Nilai <i>Threshold (d)</i> Elemen Pelaksanaan Penilaian Modul WATAK	338
5.30	Elemen Pelaksanaan Penilaian Modul WATAK berdasarkan Analisis <i>Fuzzy Delphi</i> (FDM) dan Cadangan Pakar	341
5.31	Demografi Pakar Kajian Kebolehgunaan Modul WATAK	346
5.32	Dapatan Data Teknik Kumpulan Nominal: Penilaian Kebolehgunaan Komponen Utama Modul WATAK	348
5.33	Dapatan Data Teknik Kumpulan Nominal: Penilaian Kebolehgunaan Objektif Modul WATAK	350
5.34	Dapatan Data Teknik Kumpulan Nominal: Penilaian kebolehgunaan Elemen Kandungan Modul WATAK	354
5.35	Dapatan Data Teknik Kumpulan Nominal: Penilaian kebolehgunaan Elemen Penyampaian Modul WATAK	358
5.36	Dapatan Data Teknik Kumpulan Nominal: Penilaian kebolehgunaan Elemen Keberkesanan Modul WATAK	362
5.37	Dapatan Data Teknik Kumpulan Nominal: Penilaian kebolehgunaan Elemen Pelaksanaan Penilaian Modul WATAK	366
5.38	Dapatan Data Teknik Kumpulan Nominal: Penilaian kebolehgunaan Keseluruhan Modul WATAK	370



SENARAI RAJAH

Rajah		Muka Surat
1.1	Kerangka Konseptual Kajian Pembangunan Modul WATAK (adaptasi daripada kerangka Konseptual Kajian Pembangunan Modul m-Pembelajaran Bahasa Arab (M-Mu'allim) di IPG	38
2.1	Model Pembelajaran	56
2.2	Teori Konstruktivisme dalam reka bentuk dan Pembangunan Modul WATAK Sumber: Diadaptasi dan Diubahsuai Dari Meyer (2009)	63
2.3	Kerangka Teori Kajian Hasil Gabungan Model Penulisan Hayes & Flower (1980); Bereiter & Scardamalia (1987). Adaptasi daripada Kajian Surayah Zaidon (2015)	72
2.4	Rumus Sintaksis	89
2.5	Komponen Model TABA (1962)	114
2.6	Adaptasi Model Pembinaan Modul Sidek (Sidek Mohd Noah & Jamaludin Ahmad, 2001) dalam Pembangunan Modul WATAK	116
2.7	Kerangka Teoritik Kajian Pembangunan Modul WATAK	120
3.1	Kerangka Metodologi Kajian	127
3.2	Model Kurikulum TABA (1962)	129
3.3	Fasa Analisis Keperluan	136
3.4	Reka Bentuk dan Pembangunan	141
3.5	Fasa Penilaian Kebolehgunaan Modul	144
3.6	<i>Triangular Fuzzy Number</i> . Sumber: Mohd Ridzuan Mohd Jamil (2020)	176
3.7	Rumus bagi mendapatkan nilai <i>Threshold</i> , d	178



3.8	Proses Reka bentuk dan pembangunan Modul WATAK menggunakan kaedah <i>Fuzzy Delphi</i> . Adaptasi daripada Ramlan Mustapa (2017)	182
4.1	Carta Alir Prosedur Pembinaan Modul WATAK	229

**SENARAI SINGKATAN**

PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia PPPM
SJKT	Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil
SJKC	Sekolah Jenis Kebangsaan Cina
KBSR	Kurikulum Baru Sekolah Rendah
KSSR	Kurikulum Standard Sekolah Rendah
PPSMI	Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris
PPIP	Pelan Induk Pembangunan Pendidikan
KBSR	Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah
KPM	Kementerian Pelajaran Malaysia
PdP	Pengajaran dan Pembelajaran
DSKP	Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran
SK	Standard Kandungan
SP	Standard Pembelajaran
TP	Tahap Penguasaan
PAK21	Pembelajaran Abad ke-21
PBS	Pentaksiran Berasaskan Sekolah
PdPR	Pendekatan Pengajaran dan Pembelajaran Di Rumah
PKP	Perintah Kawalan Pergerakan
PBD	Pentaksiran Bilik Darjah
PBS	Pentaksiran Berasaskan Sekolah
SJK	Sekolah Jenis Kebangsaan



BBM	Bahan Bantu Mengajar
B1	Bahasa Pertama (bahasa Tamil)
B2	Bahasa kedua (bahasa Melayu)
DDR	<i>Design and Development Research</i>
SKM	Sekolah Kurang Murid
ERPD	Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan

SENARAI LAMPIRAN

- A Surat Kebenaran Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (EPRD)
- B Kelulusan Permohonan oleh Pihak luar menjalankan Aktiviti Melibatkan Murid, Guru dan Sekolah-sekolah di bawah Jabatan Pendidikan negeri Perak
- C Soal Selidik Fasa Analisis Keperluan
- D Soal Selidik Fasa Reka Bentuk
- E Soal Selidik Fasa Kebolegunaan Modul
- F Bengkel Bimbingan Pembudayaan Inovasi (surat lantikan)
- G Gambar Perbengkelan Inovasi Modul WATAK (SMK Jelapang Jaya)
- H Gambar Perbengkelan Inovasi Modul WATAK (Dewan besar PPD Kinta Utara)
- I Komen Peserta Inovasi Terhadap Modul WATAK
- J Kemenangan dan Pencapaian Pertandingan Inovasi
- K Gambar Perbengkelan Teknik Kumpulan Nominal (NGT)
Reka bentuk Modul WATAK

BAB 1

PENDAHULUAN

Pembelajaran Bahasa Melayu menjadi penting kepada murid-murid setelah Kementerian Pendidikan Malaysia menyeragamkan pelaksanaan dasar pendidikan bahasa. Anjakan Kedua Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia PPPM (2013-2025), menekankan penguasaan terhadap kemahiran berbahasa yang meliputi kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis oleh semua murid termasuk murid sekolah Tamil dan murid sekolah Cina demi mencapai aspirasi negara serta kecemerlangan akademik. Penguasaan terhadap bahasa Melayu harus dipraktikkan sejak dari sekolah rendah berikutan bahasa Melayu merupakan bahasa rasmi yang termaktub dalam Perlembagaan 152 dan Akta 1963 dan 1967 yang mengangkat bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan di Malaysia. Ini selaras dengan pandangan Penasihat Kerajaan Dalam Hal Ehwal Sosial dan Kebudayaan Tan Sri Dr Rais Yatim (Bernama, 2017),



iaitu usaha untuk meningkatkan penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan rakyat Malaysia perlu bermula daripada peringkat kanak-kanak.

Berdasarkan Perlembagaan Persekutuan 1957, Perkara 152(1), semua murid yang belajar di sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) perlu mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa kedua bermula dari Tahun Satu hingga Tahun Enam. Sejak Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67, dikuatkuasakan maka kerajaan telah mewajibkan pendidikan bahasa Melayu sebagai bahasa kedua di semua Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) dan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC). Bahasa Melayu telah menjadi satu mata pelajaran wajib dalam kurikulum sekolah sama ada dalam Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) mahu pun Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR).



Dalam pada itu, penguasaan kemahiran dwibahasa turut ditekankan dalam dasar Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM). Di bawah dasar ini, semua murid dikehendaki menguasai bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa Inggeris sebagai bahasa komunikasi demi menghadapi cabaran semasa menerokai alam pekerjaan selepas tamat persekolahan. Komponen bahasa merupakan medium yang amat penting bagi membolehkan seseorang mengekemukakan hasrat, pendapat dan mesej dengan sempurna kepada orang lain. Fungsi bahasa ini semakin menonjol apabila aktiviti bertutur, mendengar, membaca dan menulis dijalankan secara rutin dalam kehidupan seharian.



Dalam dasar KSSR, salah satu kemahiran utama yang harus dikuasai oleh setiap murid ialah kemahiran menulis. Dalam kemahiran menulis, pembinaan ayat yang gramatis dengan tatabahasa yang betul amat ditekankan. Penguasaan terhadap pembinaan ayat yang betul merupakan salah satu aspek utama yang membuktikan segala hasil penulisan memerlukan pembinaan ayat yang bermakna. Kecekapan menulis pula merujuk kepada keupayaan murid untuk menulis dan mengedit pada tahap yang paling tinggi, mampu menghasilkan penulisan kreatif dengan menggunakan perkataan dan kosa kata yang pelbagai, serta menggunakan tatabahasa dengan tepat. Boleh dikatakan kemahiran menulis mempunyai peranan tersendiri dan kemahiran ini merupakan satu kemahiran yang wajib dikuasai oleh murid-murid sekolah Tamil sepanjang sesi persekolahan mereka.

1.2 Latar Belakang Kajian

Perkembangan dunia yang semakin mencabar telah menyebabkan matlamat sistem pendidikan di Malaysia sentiasa mengalami perubahan mengikut perkembangan dunia dengan bertonggakkan Falsafah Pendidikan Negara. Menurut Mior Khairul Azrin (2011), sistem pendidikan telah mula mengalami perubahan drastik setelah negara mencapai kemerdekaan dan berikutan itu, Laporan Razak (1956) telah diwujudkan yang kemudiaannya dijadikan asas kepada Ordinan Pelajaran (1957). Heirarki sistem pendidikan di Malaysia bermula dengan prasekolah, pendidikan rendah, pendidikan menengah dan seterusnya ke peringkat pengajian tinggi. Salah satu peringkat yang amat penting dalam kehidupan seseorang murid ialah pendidikan di sekolah rendah.



Berikutan ini, perubahan dalam kurikulum sekolah rendah sentiasa dibuat demi melahirkan murid yang berilmu dan sentiasa peka terhadap peredaran zaman. Pada tahun 1983, KBSR telah diperkenalkan. Genap 10 tahun kemudiannya iaitu, pada tahun 1993, KBSR telah diteruskan dengan beberapa penambahbaikan. Usaha penambahbaikan dalam sistem pendidikan diteruskan lagi pada tahun 2003, dengan pengenalan dasar Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris yang kemudiannya lebih dikenali sebagai PPSMI. Pengenalan dasar baharu ini bertujuan untuk melengkapkan diri pelajar dengan kecekapan dan pengetahuan yang relevan mengikut kehendak semasa. Transformasi kurikulum sekali lagi berlaku pada tahun 2011, dengan penggantian KBSR kepada KSSR yang selaras dengan Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP).



Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang dianggap baik dan mempunyai matlamat tersendiri serta melalui proses transformasi selaras dengan keperluan pendidikan abad ke-21. Berikutan ini, PPPM tidak ketinggalan untuk menggariskan pengajaran dan pembelajaran (PdP) bahasa Melayu di sekolah rendah yang berfokus pada kemahiran literasi dan aplikasi bahasa yang melibatkan kemahiran mendengar dan bertutur, kemahiran membaca dan kemahiran menulis, kemahiran seni bahasa dan tatabahasa.

Di bawah dasar KSSR, kurikulum bahasa Melayu turut mengalami proses semakan dan penambahbaikan dalam penggubalannya sehingga Kurikulum Bahasa Melayu Sekolah Rendah didokumentasikan sebagai Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Bahasa Melayu yang mendukung Standard Kandungan (SK),





Standard Pembelajaran (SP) serta Standard Prestasi. Penyataan standard tersebut adalah merupakan penyataan yang merangkumi pengetahuan, kemahiran dan nilai yang harus dikuasai oleh semua murid di sekolah rendah. Bagi sekolah jenis kebangsaan, penggubalan kurikulum bahasa Melayu mengambil kira PdP bahasa Melayu yang menggunakan pendekatan pengajaran bahasa kedua kepada murid untuk memperoleh kemahiran berbahasa Melayu.

Perubahaan dalam mata pelajaran bahasa Melayu di sekolah rendah berfokus kepada kemahiran literasi dan aplikasi bahasa yang melibatkan kemahiran mendengar dan bertutur, kemahiran membaca, kemahiran menulis, kemahiran seni bahasa dan tatabahasa. Sehubungan ini, pembelajaran bahasa Melayu di sekolah rendah berfokus pada kemahiran literasi (konsep kembali kepada asas) dan aplikasi bahasa. Kemahiran asas literasi memberi penekanan kepada murid-murid Tahap I (Tahun Satu, Tahun Dua dan Tahun Tiga) untuk menguasai kemahiran asas iaitu mendengar, bertutur, membaca dan menulis dengan sepenuhnya melalui PdP secara terancang. Bagi Tahap II (Tahun Empat, Tahun Lima dan Tahun Enam) pula, pembelajaran mata pelajaran bahasa Melayu memberi penekanan kepada pengukuhan literasi dan aplikasi kemahiran bahasa supaya mereka lebih berketerampilan berbahasa dalam bentuk lisan dan bertulis (DSKP Bahasa Melayu Tahun Empat, SJKT).

Melalui penguasaan kemahiran mendengar dan bertutur, murid dapat berkomunikasi dalam pelbagai situasi dengan lebih berkesan, manakala melalui kemahiran membaca, murid dapat meningkatkan kosa kata, memperoleh dan memproses maklumat serta dapat memupuk minat membaca. Manakala melalui penguasaan kemahiran menulis pula, murid dapat mengaplikasikan maklumat yang





diperoleh ke dalam pelbagai bentuk penulisan sama ada, karangan, ulasan, sajak, puisi dan sebagainya bagi menyampaikan idea mereka dengan tepat.

Kemahiran menulis merujuk kepada keupayaan murid-murid menulis perkataan dan ayat, serta mengeluarkan idea yang berkaitan dengan ilmu pengetahuan dan pengalaman peribadi dalam bentuk penulisan kreatif dan bukan kreatif. Menulis merupakan proses penghasilan simbol-simbol grafik yang disusun atur menjadi perkataan-perkataan yang membawa kepada pembentukan ayat-ayat yang bermakna (Khairuddin Mohamad, 2011). Menurut Loh dan Zanaton Iksan (2019), pengajaran dan pembelajaran kemahiran menulis merupakan satu cabaran yang besar kepada kedua-dua pihak sama ada guru mahupun murid. Pada peringkat sekolah rendah kemahiran asas diajar bagi membolehkan murid menguasainya agar kefasihan berbahasa dapat diperoleh bagi memenuhi keperluan diri, mendapat ilmu, perhubungan sosial dan urusan harian (Nachiappan, 2018). Sehubungan itu, PdP kemahiran menulis murid Tahap I menekankan kemahiran menulis asas seperti mengenal abjad, membentuk perkataan, frasa dan ayat. Bagi kemahiran menulis bagi murid tahap II pula, lebih menjurus kepada aplikasi kemahiran bahasa. Melalui penguasaan kemahiran bahasa ini, secara automatik murid dapat meningkatkan penguasaan kosa kata dan tatabahasa yang merupakan salah satu aspek penting dalam dasar KSSR. Dengan ini, murid dapat menghasilkan penulisan yang kreatif dan berkualiti.

Kemahiran membina ayat merupakan peringkat yang tinggi dalam kemahiran menulis secara mentalis. Peringkat membina ayat juga dikenali sebagai peringkat kelahiran. Pada peringkat ini, murid akan mula untuk melahirkan fikiran mereka sendiri secara bertulis (Hughes et al., 1991). Pada peringkat awal murid membina ayat yang





diberikan oleh guru dan selanjutnya mereka digalakkan untuk membina ayat mereka sendiri.

Apabila meneliti Standard Prestasi Kemahiran Menulis dari Tahun Satu hingga Tahun Enam, didapati bahawa prestasi kemahiran menulis telah mengalami beberapa perubahan setiap tahun agar standard kemahiran menulis meningkat dan murid dapat menguasai kemahiran menulis pada aras yang lebih tinggi. Jadual 1.1 menunjukkan Standard Prestasi kemahiran Menulis Tahun Satu dan Tahun Enam di bawah dasar KSSR.

Jadual 1.1

Standard Prestasi Kemahiran Menulis Tahun Satu dan Tahun Enam

Tahap Penguasaan	Standard Prestasi Kemahiran Menulis Tahun Satu	Standard Prestasi Kemahiran Menulis Tahun Enam
1	Menulis secara mekanis, membina ayat, menulis jawapan pemahaman, mencatat maklumat, menulis secara imlak, menghasilkan penulisan naratif dan bukan naratif, mengedit serta memurnikan hasil penulisan daripada aspek ejaan dan tanda baca pada tahap sangat terhad.	Menulis secara mekanis dengan betul dan kemas: menulis ayat yang diimplakkan dengan tepat: mengedit serta memurnikan hasil penulisan pada tahap sangat terhad.
2	Menulis secara mekanis, membina ayat, menulis jawapan pemahaman, mencatat maklumat, menulis secara imlak, menghasilkan penulisan naratif dan bukan naratif, mengedit serta menunaikan hasil penulisan daripada aspek ejaan dan tanda baca pada tahap terhad.	Menulis secara mekanis dengan betul dan kemas: menulis ayat yang diimplakkan dengan tepat: mengedit serta memurnikan hasil penulisan pada tahap terhad.
3	Menulis secara mekanis, membina ayat, menulis jawapan pemahaman, mencatat maklumat, menulis secara imlak, menghasilkan penulisan naratif dan bukan naratif, mengedit serta menunaikan hasil penulisan daripada aspek ejaan dan tanda baca pada tahap memuaskan.	Menulis secara mekanis dengan betul dan kemas: menulis ayat yang diimplakkan dengan tepat mengedit serta memurnikan hasil penulisan pada tahap memuaskan
4	Menulis secara mekanis, membina ayat, menulis jawapan pemahaman, mencatat maklumat, menulis secara imlak, menghasilkan penulisan naratif dan bukan	Menulis secara mekanis dengan betul dan kemas: menulis ayat yang diimplakkan dengan tepat mengedit serta memurnikan

(bersambung)



Jadual 1.1 (*sambungan*)

Tahap Penguasaan	Standard Prestasi Kemahiran Menulis Tahun Satu	Standard Prestasi Kemahiran Menulis Tahun Enam
	naratif, mengedit serta menunaikan hasil penulisan daripada aspek ejaan dan tanda baca pada tahap kukuh.	hasil penulisan pada tahap kukuh.
5	Menulis secara mekanis, membina ayat, menulis jawapan pemahaman, mencatat maklumat, menulis secara imlak, menghasilkan penulisan naratif dan bukan naratif, mengedit serta menunaikan hasil penulisan daripada aspek ejaan dan tanda baca pada tahap terperinci.	Menulis secara mekanis dengan betul dan kemas: menulis ayat yang diimplakkandengan tepat: mengedit serta memurnikan hasil penulisan pada tahap terperinci.
6	Menulis secara mekanis, membina ayat, menulis jawapan pemahaman, mencatat maklumat, menulis secara imlak, menghasilkan penulisan naratif dan bukan naratif, mengedit serta menunaikan hasil penulisan daripada aspek ejaan dan tanda baca pada tahap sangat terperinci, konsisten dan menjadi model teladan.	Menulis secara mekanis dengan betul dan kemas: menulis ayat yang diimplakkan dengan tepat: mengedit serta memurnikan hasil penulisan pada tahap sangat terperinci, konsisten dan menjadi model teladan.

Sumber: Dokumen Standard Bahasa Melayu Tahun Satu dan Tahun Enam SJKT

Berdasarkan Jadual 1.1, tahap paling rendah dalam Standard Prestasi Kemahiran Menulis bagi Tahun Satu ialah memberi penekanan terhadap pembinaan ayat dengan tanda baca serta ejaan yang betul. Bagi Standard Prestasi Kemahiran Menulis untuk Tahun Enam pula penekanan diberikan terhadap penulisan ayat secara mekanis dengan betul dan kemas serta menulis ayat yang diimplakkan dengan tepat. Kriteria Standard Prestasi Kemahiran Menulis telah mengalami perubahan daripada Tahun Satu hingga Tahun Enam demi menghasilkan standard penulisan yang baik. Daripada perubahan tersebut, dikenal pasti bahawa kebanyakan murid sekolah Tamil masih tidak mencapai tahap penguasaan yang ditetapkan di bawah kriteria Tahap Penguasaan (TP) kemahiran menulis. Kajian yang dijalankan oleh Abdul Rashid Jamian dan Zulkafli Abu Zarin (2008); Abdul Rashid Jamian et al. (2012); Abdul Rashid Jamian (2012); serta Yahya Othman dan DK Suzanawaty Pg. Osman (2014), menunjukkan bahawa murid-murid di sekolah rendah masih mengalami masalah dalam menguasai kemahiran menulis yang baik.



Walaupun kemahiran menulis ditekankan dalam KSSR, namun murid-murid sekolah rendah yang belajar di SJKT khasnya, menghadapi beberapa kemusykilan dan masalah semasa proses pembelajaran bahasa Melayu terutamanya kemahiran membina ayat. Menurut Kamariah Ayu Ab. Ghani dan Zamri Mahamod (2015), individu yang mahir bercakap dalam sesuatu bahasa itu, tidak semestinya mahir dalam penulisan bahasa tersebut. Sekiranya murid tidak menguasai kemahiran menulis, sebagai akibatnya sesuatu yang diungkapkan secara lisan mahu pun bacaan tidak dapat dipindahkan dalam bentuk penulisan (Noor Habsah Ali & Yahya Othman, 2018).

Menyedari kepentingan pembelajaran bahasa Melayu, maka guru bahasa Melayu perlu sentiasa mendedahkan pelajar yang mengikuti bahasa Melayu sebagai bahasa kedua ini dengan pelbagai kaedah dan strategi pembelajaran (Zamri Mahamod & Anita Abdul Rahaman, 2020). Dengan ini, golongan pelajar yang cekap dan mahir dalam menguasai bahasa Melayu dengan baik dapat dilahirkan seperti yang direalisasikan melalui pembelajaran abad-21.

Matlamat pembelajaran bahasa Melayu seperti yang dinyatakan dalam KSSR dan KBSR masih mempunyai hala tuju yang selaras yang menekankan pembinaan ayat yang merangkumi ayat tunggal dan ayat majmuk dengan mekanis, teratur dan lengkap. Berdasarkan matlamat tersebut amat nyata bahawa penguasaan kemahiran membina ayat semestinya diberi fokus khas sejak dari peringkat rendah lagi melalui pembelajaran bahasa.



Pada peringkat sekolah rendah lagi, minat pelajar terhadap pembelajaran bahasa Melayu harus ditanam dan dipupuk oleh guru subjek. Sehubungan itu, strategi pengajaran guru harus menarik, seronok, menimbulkan perasaan ingin tahu dan menggembirakan supaya murid lebih meminati penguasaan bahasa dan meningkatkan pencapaian dalam mata pelajaran bahasa Melayu. Menurut Mohamad Nurul Azmi dan Nurzatulshima Kamaruddin (2017), ilmu pengetahuan harus disampaikan secara bersepadu semasa proses PdP dijalankan dalam bilik darjah. Menurut kajian Halida Jawan dan Zamri Mahamod (2021), murid-murid di sekolah rendah hendaklah menguasai kemahiran menulis terutamanya menulis ayat dengan betul melalui bimbingan daripada guru dari semasa ke semasa.

Berikutan ini, guru dapat menyampaikan proses PdP Bahasa Melayu dalam pelbagai kaedah dan strategi demi meningkatkan penguasaan murid dalam bahasa tersebut. Salah satu kaedah bagi memantapkan proses PdP adalah melalui penggunaan modul sebagai bahan sokongan dalam bilik darjah. Aktiviti pengajaran dan pembelajaran berbantuan modul membuktikan bahawa terdapat peningkatan dalam proses PdP. Ooi (2018), telah menjalankan kajian tentang *Keberkesanan Modul dalam meningkatkan Penguasaan Imbuhan meN- dan peN- dalam kalangan murid SJKC*. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis tahap penguasaan imbuhan meN- dan peN- murid SJKC dari segi penulisan dan menghasilkan satu modul protaip pembelajaran yang berkaitan dengan imbuhan meN- dan peN- untuk murid SJKC. Dalam kajian ini, pendekatan Penyelidikan Reka Bentuk dan Pembangunan telah digunakan. Soal selidik telah ditadbirkan ke atas 178 orang guru bahasa Melayu SJK menunjukkan responden mempunyai persepsi yang positif terhadap kesesuaian modul dalam membantu penguasaan imbuhan meN- dan peN- murid. Hasil kajian mendapati bahawa



penggunaan modul memberi implikasi positif dalam meningkatkan penguasaan meN- dan peN- murid SJKC.

Penggunaan modul sebagai bahan sokongan aktiviti pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah dapat memudahkan aktiviti PdP (Phutkaew, 2014; Nur Aisyah Mohamad & Zamri Mahamod, 2012). Tambahan lagi, penggunaan modul juga dapat memberi impak dalam proses pembelajaran secara lebih berkesan dan efektif. Pembelajaran yang teratur melalui modul dapat meningkatkan kemahiran dan kreativiti (Amani Dahaman @ Dahlan, 2014).

Kajian-kajian lalu telah membuktikan bahawa penggunaan modul dapat mengurangkan beban pengajar dan membantu murid memahami pembelajaran bahasa dengan lebih mudah. Modul merupakan satu pakej yang memberi kemudahan dan meringankan tekanan murid. Berikutan ini, penggunaan modul amat fleksibel dan dapat digunakan mengikut keinginan dan masa yang sesuai dengan keperbezaan murid. Selain itu, semua tenaga pengajar diseru menyampaikan pengajaran mereka sama ada menggunakan bahan bantu mengajar dalam bentuk elektronik mahupun berbantuan modul pengajaran dan pembelajaran agar DSKP yang digariskan oleh KPM dapat memenuhi hasrat sebenar. Pelaksanaan pengajaran menggunakan modul juga berupaya melaksanakan aktiviti PdP yang berpusatkan kepada murid. Langkah ini dapat mengelakkan berlakunya PdP berpusatkan kepada guru dan berlangsung secara stereotaip yang mengundang kegagalan matlamat Pendidikan Bahasa Melayu terhadap murid (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2017).



Menyedari hakikat ini, pengkaji memperkenalkan modul WATAK bagi memudahkan tenaga pengajar menyampaikan pengajaran dengan menggunakan modul ini sebagai bahan sokongan semasa mengajar kemahiran membina ayat. Bahan sokongan ini tidak lari daripada Standard Kandungan (SP) dan Standard Pembelajaran (SK) yang ditetapkan dalam DSKP dan selari dengan buku teks Bahasa Melayu Tahun Empat SJKT. Dengan ini, murid sekolah Tamil yang belajar bahasa Melayu sebagai bahasa kedua dapat didedahkan dengan kaedah pembelajaran yang penuh bermakna sehingga mereka dapat mencapai tahap penguasaan yang tinggi dalam bidang penulisan terutamanya kemahiran membina ayat.

Walaupun pihak JPN dan PPD pernah membangunkan modul pengajaran dan pembelajaran untuk murid SJKT, namun pengkaji berpendapat bahawa modul pengajaran dan pembelajaran yang dibangunkan ini menggunakan keadah Jadual Ansur Maju (JAM) yang selari dengan gaya pembelajaran sekutorial. Gaya pembelajaran sekutorial adalah salah satu daripada empat gaya pembelajaran dalam Model Gaya Pembelajaran Felder-Silverman (Felder & Silverman, 1988). Seseorang dengan gaya pembelajaran ini mampu memahami sesuatu apabila disampaikan dalam bentuk urutan mudah kepada kompleks serta menggemari jalan kerja yang teratur dan mudah difahami.

Justeru, itu, pembangunan modul WATAK bagi kemahiran membina ayat ini adalah tepat dan relevan sebagai bahan sokongan pembelajaran bagi melengkapkan diri guru subjek dengan pengetahuan dan kaedah mudah untuk membimbing dan mengajar murid sekolah Tamil bagi menghasilkan struktur ayat yang lengkap dengan tatabahasa yang betul. Rumusannya, bahan sokongan ini akan menjadi pelengkap kepada

kurikulum bahasa Melayu di sekolah Tamil yang sedia ada.

1.3 Pernyataan Masalah

Berdasarkan Standard Prestasi Kemahiran Menulis bagi murid SJKT, didapati murid tidak dapat menghasilkan struktur ayat yang lengkap dengan tatabahasa yang betul. Kajian yang dijalankan oleh Nora'Azian Nahar (2020), di bawah tajuk “*Kemahiran Membaca dan Menulis Bahasa Melayu dalam kalangan Murid Bukan Penutur Natif di sekolah Jenis kebangsaan (SJK)*”, membuktikan bahawa ketidaklancaran kemahiran membaca dan kelemahan penguasaan kemahiran menulis dilihat sebagai punca kemerosotan pencapaian akademik di sekolah rendah. Dapatan kajian juga menunjukkan terdapat sebanyak 65.2 peratus responden tidak menguasai kemahiran menulis dan 39.6 peratus tidak lancar membaca dalam bahasa Melayu. Pemahaman input kemahiran membaca dan menulis dilihat satu-satunya mekanisme yang dapat meningkatkan profisiensi linguistik. Menurut Lembaga Peperiksaan Malaysia (2014), murid dari kategori lemah tidak dapat menulis idea dengan ayat yang gramatis serta bermasalah dalam penggunaan kosa kata, struktur ayat, imbuhan, tanda baca dan ejaan. Dapatan ini sejajar dengan kajian yang dijalankan oleh Che Zanariah Che Hassan dan Fadzilah Abd. Rahman (2011), di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan yang bertujuan untuk meninjau pendapat guru tentang sikap mereka terhadap pelaksanaan kemahiran menulis serta menganalisis permasalahan kemahiran menulis yang dihadapi oleh guru dan murid dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu. Dapatan kajian membuktikan bahawa terdapat permasalahan dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu dari aspek pengetahuan dan kemahiran guru serta masalah kelemahan



murid dalam kemahiran menulis.

Selain itu, kelemahan serta masalah dalam penghasilan struktur ayat yang lemah wujud disebabkan oleh pengaruh bahasa ibunda. Walaupun, pelbagai usaha telah diambil oleh kerajaan untuk memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan namun, masih terdapat pelbagai masalah dalam menguasai bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar di peringkat sekolah rendah terutamanya di sekolah Tamil. Permasalahan yang ketara dihadapi oleh guru dan murid ialah pengaruh bahasa pertama terhadap bahasa kedua. Murid sekolah Tamil berpegang kepada bahasa ibunda iaitu bahasa Tamil dan bahasa Melayu pula berperanan sebagai bahasa kedua. Ini menyebabkan penggunaan bahasa pertama berperanan sebagai bahasa komunikasi serta digunakan sebagai item pemerolehan ilmu pengetahuan. Penyataan ini dibuktikan melalui dapatan kajian Maniam dan Ponniah (2014). Dapatan kajian mereka membuktikan gangguan bahasa ibunda merupakan gangguan negatif dalam hasil penulisan murid dan bahasa ibunda banyak mempengaruhi gaya penulisan murid sehingga membawa kepada pencapaian yang lemah dalam bahasa Melayu pada peringkat sekolah rendah. Pada masa yang sama, penyampaian ilmu dalam bahasa ibunda amat disenangi oleh murid sekolah Tamil dan situasi ini membawa kepada kemunduran dalam penguasaan bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Menurut Khairul Nizam Mohamed Zuki dan Wan Muna Ruzanna Wan Mohamad (2017), proses penerimaan bahasa Melayu sebagai bahasa kedua terutamanya kemahiran membaca dan menulis dapat dikuasai melalui proses pembelajaran sahaja dan bukannya wujud secara semulajadi.





Hal ini turut disokong oleh kajian-kajian seperti Zamri Mahamod (2016), yang menyatakan pengaruh bahasa pertama semasa mempelajari bahasa Melayu dalam kalangan segelintir murid Melayu dan bukan Melayu telah mewujudkan pelbagai masalah dalam sistem bahasa. Menurut Bolton dan Kachru (2006), peranan bahasa ibunda membawa impak negatif serta ciri-ciri bahasa ibunda dipindahkan terus semasa pembelajaran bahasa kedua. Penguasaan terhadap bahasa kedua hanya akan menunjukkan impak yang tinggi sekiranya pengguna berjaya menguasai bahasa ibunda mereka dengan kukuh dan mencapai tahap penguasaan yang baik (Nur Hayati Abdullah, 2002; Zamri Mahamod, 2016). Walaupun penggunaan bahasa Melayu sudah begitu meluas di dalam dan di luar sekolah, namun tanda-tanda menunjukkan bahawa sebahagian murid di negara ini masih dipengaruhi oleh bahasa ibunda mereka khususnya masyarakat bukan Melayu (Noor Zila Md. Yusuf et al., 2018).



Didapati bahawa, perkara utama yang diperlukan dalam penulisan ialah kosa kata. Penguasaan kosa kata amat penting bagi membolehkan murid dapat mengungkap maklumat dan buah fikiran selaras dengan penambahan ilmu dalam mata pelajaran yang dipelajari pada peringkat sekolah rendah. Apabila kosa kata mengalami masalah, maka mutu penulisan akan menurun secara automatik. Kelemahan serta masalah dalam penghasilan struktur ayat yang lemah wujud dalam kalangan murid SJKT disebabkan oleh kekurangan kosa kata dalam bahasa Melayu. Kenyataan ini juga selari dengan pendapat Noor Habsah Ali dan Yahya Othman (2018), masalah kosa kata yang terhad menyebabkan pelajar tidak dapat menghuraikan idea dengan baik malahan menggunakan perkataan daripada bahasa ibunda untuk melahirkan idea dalam penulisan. Walaupun murid SJKT mampu menulis ayat-ayat tetapi mereka masih lemah dalam mengembangkan ayat serta memanipulasikan perkataan agar menjadi ayat yang





gramatis. Masalah ini wujud disebabkan oleh kekurangan kosa kata. Zahratulnadirah Ibrahim (2012), pula menyokong pandangan tersebut dengan menyatakan bahawa kelemahan dalam penghasilan ayat yang lemah berpunca daripada penguasaan kosa kata yang terhad. Kelemahan murid SJKT dalam menguasai kosa kata bahasa Melayu akhirnya membawa implikasi semasa murid membina ayat tunggal dan ayat majmuk secara mekanis, teratur dan lengkap. Kelemahan ini secara tidak langsung memberi impak yang besar dalam aspek menulis karangan dalam Kertas Penulisan.

Selain itu, kelemahan dalam penghasilan struktur ayat yang lemah berpunca daripada ketidakfahaman murid terhadap penggunaan sistem bahasa yang terdapat dalam mata pelajaran bahasa Melayu. Sistem bahasa terdiri daripada tatabahasa, ejaan, sebutan dan intonasi, kosa kata dan peribahasa (DSKP Bahasa Melayu Tahun Empat SJKT). Mengikut Zaliza Mohamad Nasir (2017), kekurangan dan kekeliruan dalam penggunaan sistem bahasa menyebabkan murid lemah dalam penulisan. Hujah ini disokong oleh A. Rahman Haron et al. (2012), dengan mengatakan bahawa tatabahasa yang digunakan oleh murid dalam menulis ayat tidak sesuai dan tidak gramatis serta terdapat kategori murid yang masih menggunakan bahasa pasar semasa membina ayat. Menurut pendapat Abdul Hamid Mahmood (1990), masalah semasa belajar mata pelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa kedua secara formal di bilik darjah berlaku disebabkan oleh timbulnya penyalahgunaan istilah, kesalahan perbendaharaan kata dan kesalahan tatabahasa yang sering dilakukan oleh pelajar bukan berbangsa Melayu.





Kelemahan ini menyebabkan murid sering kali melakukan kesalahan dalam aspek tatabahasa seperti ejaan, tanda baca, penggunaan perkataan yang salah sehingga menjejaskan maksud sebenar ayat yang ingin ditulis oleh murid. Kesalahan seumpama ini menyebabkan tahap penguasaan dalam aspek penulisan agak rendah dan ini menjejaskan prestasi murid SJKT dalam kertas penulisan.

Kegagalan mengingat kembali kosa kata dalam pembelajaran bahasa Melayu menyebabkan murid SJKT tidak dapat menghasilkan struktur ayat yang lengkap dengan tatabahasa yang betul. Kebanyakan murid SJKT menghadapi masalah kognitif dalam menghafal dan mengingat kembali kosa kata yang dipelajari. Memandangkan terlalu banyak kosa kata yang perlu dihafal dalam bahasa Melayu, murid sekolah Tamil menghadapi kesukaran untuk mengimbas kembali, mencari dan menyenaraikan kosa kata yang bersesuaian berdasarkan bahan grafik yang diedarkan semasa PdP dalam bilik darjah. Kelemahan dalam aspek kognitif ini menyukarkan mereka untuk mengimbas kembali perkataan yang telah dipelajari sebelum ini. Masalah kognitif dan daya tumpuan yang terhad mempengaruhi keupayaan murid dalam proses pembelajaran bahasa serta pencapaian akademik mereka (Haliza Hamzah & Samuel, 2011).

Kelemahan dalam menghasilkan struktur ayat yang lengkap dengan tatabahasa yang betul turut berlaku apabila murid tidak dibekalkan bahan rangsangan seperti gambar, senarai kosa kata atau rangkai kata. Tanpa bahan rangsangan, maka proses pembinaan ayat sukar dilaksanakan dengan sempurna oleh murid sekolah Tamil terutamanya murid yang mempunyai tahap penguasaan yang rendah dalam bahasa. Tanpa bantuan bahan rangsangan, aktiviti pembinaan ayat yang lengkap dengan tatabahasa yang betul sukar dilaksanakan oleh murid. Terdapat segelintir murid yang





bermasalah untuk menulis idea-idea yang difikirkan dalam bentuk tulisan yang betul (Chaniago et al., 2011).

Dalam pada itu, tabiat murid yang gagal mengamalkan pembacaan bahan dalam bahasa Melayu membawa kesan dalam aktiviti pembelajaran murid. Pembacaan bahan bacaan dalam bahasa Melayu dapat membantu murid meningkatkan ilmu serta memahirkan diri murid dalam penguasaan bahasa tersebut. Sejak kebelakangan ini, ibu bapa sendiri lebih cenderung untuk membekalkan akan-anak mereka dengan bahan bacaan dalam bahasa Inggeris. Keutamaan diberi kepada peningkatan dan penguasaan dalam bahasa Inggeris dan tumpuan terhadap pembekalan bahan bacaan dalam bahasa Melayu kurang diberikan. Menurut Penyandang Kursi Profesor Pengajian Melayu ke-3 di Beijing Foreign Studies Universiti (BFSU) China, Datuk Dr Awang Sariyan (Berita Harian, 2017) guru-guru di sekolah haruslah sentiasa mendorong murid untuk memupuk minat membaca dalam kedua-dua bahasa, manakala di rumah ibu bapa perlu menyajikan anak-anak mereka dengan bahan bacaan berbahasa Melayu yang secukupnya di samping buku-buku bahasa Inggeris. Pendedahan terhadap pembacaan bahan bacaan tambahan dalam bahasa Melayu mengakibatkan perbendaharaan kata serta ilmu dalam bahasa Melayu semakin kurang dalam kalangan murid SJKT sehingga menjejaskan pembentukan struktur ayat yang lengkap dengan tatabahasa yang betul.

Kelemahan murid menghasilkan struktur ayat yang lengkap dengan tatabahasa yang betul berpunca daripada strategi pembelajaran yang tidak bersesuaian dengan tahap penguasaan murid. Visurasam (2013), melalui kajiannya membuktikan bahawa strategi pembelajaran menjadi punca utama kesilapan pelajar India semasa mempelajari bahasa Melayu. Penggunaan strategi pembelajaran yang tidak bersesuaian dengan tahap





penguasaan murid SJKT menyebabkan murid hilang minat dan tumpuan serta kurang motivasi untuk terus mempelajari kemahiran bahasa Melayu. Penggunaan strategi pembelajaran yang tidak selari dengan kehendak dan tahap kognitif murid SJKT membawa kesan semasa murid menghasilkan struktur ayat yang lengkap dengan tatabahasa yang betul.

Selain itu, kelemahan penghasilan struktur ayat yang lengkap dengan tatabahasa yang betul dalam kalangan murid sekolah rendah berpunca daripada masalah guru yang tidak mempelbagaikan kaedah pengajaran ke arah PAK21. Kegagalan guru mempelbagaikan kaedah pengajaran juga merupakan faktor yang menjejaskan pencapaian murid dalam kemahiran menulis dan membantutkan hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia untuk menghasilkan murid yang mampu mengungkapkan bidang ilmu daripada pelbagai disiplin atau mata pelajaran dan seterusnya mengembangkan kemahiran penulisan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2003). Jelasnya, strategi dan kaedah pengajaran secara tidak langsung mempengaruhi penguasaan murid dalam kemahiran menulis ayat. Yahya Othman dan DK Suzanawaty Pg. Osman (2014), mendapati bahawa guru yang kurang mempelbagaikan kaedah dan teknik pengajaran boleh membawa impikasi buruk sehingga murid kurang mahir dalam kemahiran menulis ayat. Pengajaran guru seharusnya menerapkan pelbagai strategi yang kompeten bagi memastikan kualiti pendidikan yang diterima oleh kanak-kanak sejajar dengan hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan (Anida Sarudin et al., 2016). Apabila guru-guru memperkenalkan kepelbagaian kaedah pengajaran serta mengambil kira tahap penguasaan murid semasa merancang proses PdP, maka persekitaran pembelajaran yang baik akan wujud serta murid akan belajar dengan lebih baik (Nadarajan et al., 2016).





Dalam pada itu, kelemahan murid menghasilkan struktur ayat yang lengkap dengan tatabahasa yang betul turut dipengaruhi oleh gaya pembelajaran. Kepelbagaian cara belajar dan cara berfikir merupakan gaya pembelajaran yang membolehkan seseorang individu untuk menjalani aktiviti pembelajaran dengan lebih baik bagi menguasai kemahiran-kemahiran tertentu melalui kaedah pengajaran dan pembelajaran yang bersesuaian di dalam kelas (Nachiappan et al., 2009). Pengajaran akan lebih berkesan jika guru melaksanakan kaedah pengajaran yang bersesuaian dengan gaya pembelajaran murid (Dunn & Dunn, 1978). Tambahan pula, beliau turut menyatakan bahawa apabila kaedah, sumber dan program dipadankan dengan sifat-sifat gaya pembelajaran murid, maka pencapaian akademik akan meningkat sekaligus berlaku perubahan dalam sikap murid. Sebaliknya, jika padanan di antara pengajaran dan pembelajaran tidak sesuai, maka pencapaian akademik dan sikap murid turut merosot.



Bagi menangani masalah dan kekangan yang dihadapi dalam proses pengajaran dan pembelajaran kemahiran menulis, maka penggunaan modul disarankan sebagai langkah alternatif bagi mengukuhkan pemahaman murid. Dalam bidang pendidikan pula, modul pernah diberi pengertian sebagai unit-unit media dalam satu rancangan mengajar. Modul biasanya dicipta untuk memenuhi keperluan semua kategori murid. Selain itu, hampir semua modul yang sedia ada bermatlamat untuk menyenangkan pembelajaran murid dan menjadikan pembelajaran murid lebih berkesan. Tambahan lagi, modul juga direka khas bagi membantu golongan pengajar mengajar dengan lebih berwibawa. Shahrudin Md Salleh dan Fatimah Abu Raihah (2011), berpendapat bahawa modul berupaya bertindak sebagai satu sumber rujukan dan panduan kepada murid dalam proses pembelajaran. Selain dari mendengar pengajaran yang disampaikan oleh guru, murid-murid juga mempunyai bahan pembelajaran yang





terancang dan sistematik yang membantu mereka meningkatkan pengetahuan dalam sesuatu kemahiran.

Terdapat beberapa kajian yang menunjukkan kelebihan penggunaan modul dalam aktiviti PdP. Antaranya Amirra Shazreena Aminul Razin dan Subramaniam (2022), telah menjalankan kajian yang bertajuk, *Penguasaan Imbuhan Awalan meN... Berbantuan Modul Inovasi Teknik Mnemonik*. Kajian ini bertujuan untuk membina Modul Inovasi Teknik Mnemonik melalui Pendekatan Penyelidikan Reka Bentuk dan Pembangunan (DDR). Kajian yang berteraskan kualitatif dan kuantitatif ini melibatkan 69 orang murid Tahun Enam di sebuah Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Daerah Petaling. Kajian ini menggunakan kaedah pengujian iaitu, Ujian Soalan Imbuhan bagi mendapatkan maklumat penguasaan imbuhan awalan meN- murid untuk memenuhi analisis keperluan dan borang soal selidik iaitu, aplikasi *Google Form* untuk mengetahui persepsi murid dan guru setelah menggunakan Modul Inovasi Teknik Mnemonik dalam memahami dan mengingat imbuhan. Kajian ini memaparkan beberapa peringkat pendekatan DDR. Dapatan seterusnya mengekemukakan persepsi guru dan murid setelah menggunakan Modul Inovasi Teknik Mnemonik dalam memahami dan mengingat imbuhan awalan meN-. Hasil kajian menunjukkan murid mudah mengingat setiap imbuhan awalan meN- menggunakan Modul Inovasi Teknik Mnemonik iaitu, akrostik dan kata kunci kerana ayat yang dibina dan diinovasikan amat mudah kerana murid-murid sudah mempunyai pengetahuan yang sedia ada dalam perkataan serta frasa yang digunakan dalam Modul Inovasi Teknik Mnemonik.



Rentetan daripada itu, didapati terdapat pelbagai kaedah penggunaan modul, dalam pelbagai mata pelajaran telah digunakan dalam PdP seperti Sejarah (Kaviza, 2019), Sains (Mohd Nazri Hassan et al., 2017) Pendidikan Vokasional (Muhammad Asri Madmor et al., 2016), Pendidikan Jasmani (Liza Saad, 2016), Bahasa Arab (Amani Dahaman @Dahlan, 2014) dan Fizik (Norliana Hashim & Shaharom Noordin, 2014). Selain itu, pelbagai kajian yang berkaitan dengan penyediaan modul seperti pembelajaran dan pengajaran (Kor, 2008; Noraini Idris, 2013; Rosihan Ahmad & Kee, 2004) dan modul penerapan nilai dalam PdP (Habsah Ismail, 2000; Mohd Arip Kasmu, 2000; Mantak, 1993; Nik Zaharah Nik Yaakub, 2006; Nor Hayati Alwi, 2001; Robiah Kulop Hamzah, 1999; Tunku Sarah Tunku Mohd Jiwa, 1997) juga telah pun diterbitkan. Walaupun kaedah penggunaan modul telah digunakan dalam pelbagai bidang dan pelbagai subjek tetapi hanya sedikit kajian telah dilakukan berkaitan modul kemahiran membina ayat bahasa Melayu bagi murid tahun Empat sekolah Tamil kerana kebanyakan kajian tertumpu kepada subjek teras sahaja untuk murid Tahun Enam (Gengatharan et al., 2020).

Jika diimbaz kepada perbincangan ilmiah di atas, memang terdapat kewajaran terhadap pembangunan suatu modul yang berpotensi untuk membantu para guru dalam menyampaikan proses PdP yang berkesan kepada murid sekolah Tamil menghasilkan struktur ayat yang lengkap dengan tatabahasa yang betul seperti yang dihasratkan oleh KPM dalam DSKP yang ditetapkan. Modul WATAK yang dibangunkan merangkumi objektif, isi kandungan, elemen latihan, strategi penyampaian latihan serta bentuk penilaian yang membantu guru menggunakannya sebagai bahan sokongan dan memfokuskan peningkatan penguasaan murid dalam menghasilkan struktur ayat yang lengkap dengan tatabahasa yang betul dalam kalangan murid sekolah Tamil.



Pengaplikasian kaedah Jadual Ansur Maju (JAM) yang menekankan pengajaran secara berperingkat dari mudah ke susah membuatkan modul ini berpotensi untuk meningkatkan kefahaman murid terhadap penguasaan kemahiran membina ayat dengan mudah.

Modul yang dibangunkan bertindak sebagai bahan sokongan kepada guru dan pada masa yang sama menjadi panduan dan bimbingan kepada murid untuk membina ayat secara berperingkat, mudah dan lengkap untuk memperoleh tahap penguasaan yang tinggi antara 5-6 dalam bahagian membina ayat semasa Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS). Modul ini menegaskan aktiviti latih tubi dan pendekatan jadual secara berulang-ulang akan menjadi satu kaedah alternatif yang menggantikan kaedah pengajaran tradisional. Elemen-elemen dalam modul ini lebih berpaksikan kepada pedagogi yang mudah diamalkan oleh guru iaitu, mengajar murid secara ansur maju daripada senang ke sukar sehingga murid dapat memahami strategi membina ayat dengan mudah dengan susunan ayat yang betul.

Kajian ini berfokus kepada kemahiran penulisan yang melibatkan kemahiran membina ayat berdasarkan Standard Kandungan (SK) dan Standard Pembelajaran (SP) mengikut Dokumen Standard Kurikulum Pentaksiran (DSKP) Bahasa Melayu SJKT Tahun Empat (semakan, 2017). Dalam kajian ini, pengkaji hanya memberi fokus kepada beberapa cakupan dalam SK dan SP serta aspek Tatabahasa di bawah Standard Prestasi Kemahiran Menulis yang melibatkan pembinaan ayat secara mekanis seperti yang tertera dalam DSKP Bahasa Melayu SJK Tahun Empat (semakan, 2017). Hal ini bersangkut paut dengan kemahiran yang dititikberatkan dalam sistem KBSR dulu,





dimana kemahiran membina ayat tunggal dan ayat majmuk dengan tatabahasa yang betul diutamakan dalam Hasil Pembelajaran. Secara keseluruhannya, kedua-dua dasar iaitu, KSSR dan KBSR masih menegaskan pembinaan ayat yang sistematik dan lengkap.

Menyedari hakikat ini, pengkaji memperkenalkan modul WATAK bagi memudahkan tenaga pengajar menyampaikan pengajaran dengan menggunakan modul ini sebagai bahan sokongan semasa mengajar kemahiran membina ayat. Bahan sokongan ini tidak lari daripada Standard Kandungan (SP) dan Standard Pembelajaran (SK) yang ditetapkan dalam DSKP dan selari dengan buku teks Bahasa Melayu Tahun Empat SJKT. Dengan ini, murid sekolah Tamil yang belajar bahasa Melayu sebagai bahasa kedua dapat didedahkan dengan kaedah pembelajaran yang penuh bermakna sehingga mereka dapat mencapai tahap penguasaan yang tinggi dalam bidang penulisan terutamanya kemahiran membina ayat.

Pengetahuan sedia ada murid turut diambil kira kerana kesinambungan antara pengetahuan lama dan baharu adalah elemen penting dalam proses membina kefahaman sendiri. Sehubungan itu, teori konstruktivisme menjadi salah satu teori pembelajaran yang utama dalam pembinaan modul ini. Model sandaran yang dipilih dan digunakan dalam pembangunan modul adalah Model Kurikulum TABA (1962) dan Model Pembinaan Modul Sidek (2007) Fasa I iaitu Penyediaan Modul. Kedua-dua model ini dijadikan panduan untuk menghasilkan satu reka bentuk modul yang tersusun serta teratur dari segi isi kandungan modul berdasarkan teori konstruktivisme dan teori behaviorisme.





Berdasarkan pernyataan dan kajian-kajian yang berkaitan, terdapat kelompangan aspek kajian berkaitan kemahiran menghasilkan struktur ayat yang lengkap dengan tatabahasa yang betul dalam kalangan murid SJKT. Selain itu, pengajaran berbantuan modul didapati amat berkesan untuk meningkatkan kefahaman murid serta mendalamkan pengetahuan murid dalam PdP. Oleh demikian, kajian ini akan menfokuskan kepada pembinaan struktur ayat yang lengkap dengan tatabahasa yang betul dengan kaedah Jadual Ansur Maju (JAM) yang menjurus kepada gaya pembelajaran sekuenial.

1.4 Tujuan Kajian



Kajian ini bertujuan untuk membina modul WATAK yang bertindak sebagai sokongan kepada guru dan murid untuk membolehkan murid menghasilkan struktur ayat yang lengkap dengan tatabahasa yang betul dalam kalangan murid SJKT menggunakan kaedah ansur maju.

1.5 Objektif Kajian

Kajian ini merupakan kajian pembangunan yang menggunakan pendekatan *Design and Developmental Research* (DDR). Terdapat tiga objektif utama dalam setiap fasa dan diikuti dengan beberapa subobjektif untuk menjawab soalan kajian. Berdasarkan kepada penyataan masalah di atas, kajian ini mengandungi objektif-objektif khusus seperti berikut:-



Fasa 1: Analisis Keperluan Pembangunan Modul WATAK

Mengenal pasti keperluan membangunkan modul WATAK bagi membantu PdP para guru dan murid Tahun Empat bagi kemahiran membina ayat bahasa Melayu di SJKT.

1.1 Mengenal pasti sikap guru terhadap kaedah pengajaran dan pembelajaran kemahiran membina ayat dalam mata pelajaran bahasa Melayu Tahun Empat di SJKT.

1.2 Mengenal pasti persepsi guru terhadap tahap penguasaan murid dalam kemahiran membina ayat bagi mata pelajaran bahasa Melayu Tahun Empat di SJKT.

1.3 Mengenal pasti persepsi guru terhadap strategi pengajaran guru dalam kemahiran membina ayat bagi mata pelajaran bahasa Melayu Tahun Empat

di SJKT.

1.4 Mengenal pasti persepsi guru terhadap penggunaan modul pengajaran dan pembelajaran bagi mata pelajaran bahasa Melayu Tahun Empat di SJKT.

1.5 Mengenal pasti kekangan yang dihadapi semasa pengajaran dan pembelajaran kemahiran membina ayat dari persepsi guru dan murid.

1.6 Mengenal pasti keperluan terhadap pembinaan modul WATAK sebagai bahan sokongan untuk mengajar kemahiran membina ayat bahasa Melayu Tahun Empat di SJKT.

Fasa 2: Reka bentuk dan Pembangunan Modul WATAK

Mereka bentuk dan membangunkan modul WATAK bagi kemahiran membina ayat bahasa Melayu di SJKT berdasarkan kesepakatan kumpulan pakar.

2.1 Mengenal pasti objektif yang sesuai dimasukkan dalam modul WATAK bagi kemahiran membina ayat bahasa Melayu di SJKT dari aspek guru dan aspek murid berdasarkan kesepakatan kumpulan pakar.

2.2 Mengenal pasti isi kandungan yang sesuai dimasukkan dalam modul WATAK bagi kemahiran membina ayat bahasa Melayu di SJKT berdasarkan kesepakatan kumpulan pakar.

2.3 Mengenal pasti cakupan Standard Kandungan (SK), Standard Pembelajaran (SP) serta aspek Tatabahasa yang sesuai dimasukkan dalam modul WATAK bagi kemahiran membina ayat bahasa Melayu di SJKT berdasarkan kesepakatan kumpulan pakar.

2.4 Mengenal pasti strategi penyampaian latihan yang sesuai dimasukkan dalam modul WATAK bagi kemahiran membina ayat bahasa Melayu di SJKT berdasarkan kesepakatan kumpulan pakar.

2.5 Mengenal pasti pelaksanaan penilaian yang sesuai dimasukkan dalam modul WATAK bagi kemahiran membina ayat bahasa Melayu SJKT berdasarkan kesepakatan kumpulan pakar.

Fasa 3: Penilaian Kebolehgunaan Modul WATAK

Mengenal pasti kebolehgunaan modul WATAK bagi kemahiran membina ayat di SJKT berdasarkan pandangan guru pelaksana dalam subjek bahasa Melayu.

- 3.1 Mengenal pasti pandangan guru pelaksana terhadap kesesuaian objektif yang terdapat dalam modul WATAK bagi kemahiran membina ayat bahasa Melayu di SJKT.
- 3.2 Mengenal pasti pandangan guru pelaksana terhadap kesesuaian cakupan Standard Kandungan (SK), Standard Pembelajaran (SP) dan aspek Tatabahasa yang terdapat dalam modul WATAK bagi kemahiran membina ayat bahasa Melayu di SJKT.
- 3.3 Mengenal pasti pandangan guru pelaksana terhadap kesesuaian isi kandungan yang terdapat dalam modul WATAK bagi kemahiran membina ayat bahasa Melayu di SJKT.
- 3.4 Mengenal pasti pandangan guru pelaksana terhadap kesesuaian strategi penyampaian latihan yang terdapat dalam modul WATAK bagi kemahiran membina ayat bahasa Melayu di SJKT.
- 3.5 Mengenal pasti pandangan guru pelaksana terhadap kesesuaian pelaksanaan penilaian yang terdapat dalam modul WATAK bagi kemahiran membina ayat bahasa Melayu di SJKT.
- 3.6 Mengenal pasti pandangan guru pelaksana terhadap kesesuaian keseluruhan kebolehgunaan modul WATAK bagi kemahiran membina ayat bahasa Melayu di SJKT.

1.6 Persoalan Kajian

Fasa 1: Analisis Keperluan Pembangunan Modul WATAK

Apakah terdapat keperluan membangunkan modul WATAK bagi membantu PdP para guru dan murid Tahun Empat bagi kemahiran membina ayat bahasa Melayu di SJKT?

1.1 Apakah sikap guru terhadap kaedah pengajaran dan pembelajaran kemahiran membina ayat dalam mata pelajaran bahasa Melayu Tahun Empat di SJKT?

1.2 Apakah persepsi guru terhadap tahap penguasaan murid dalam kemahiran membina ayat bagi mata pelajaran bahasa Melayu Tahun Empat di SJKT?

1.3 Apakah persepsi guru terhadap strategi pengajaran guru dalam kemahiran membina ayat bagi mata pelajaran bahasa Melayu Tahun Empat di SJKT?

1.4 Apakah persepsi guru terhadap penggunaan modul pengajaran dan pembelajaran bagi mata pelajaran bahasa Melayu Tahun Empat di SJKT?

1.5 Apakah kekangan yang dihadapi semasa pengajaran dan pembelajaran kemahiran membina ayat dari persepsi guru dan murid?

1.6 Adakah terdapat keperluan terhadap pembinaan modul WATAK sebagai suatu bahan sokongan untuk mengajar kemahiran membina ayat bagi mata pelajaran bahasa Melayu untuk Tahun Empat di SJKT?

Fasa 2: Reka Bentuk dan Pembangunan Modul WATAK

Apakah Reka bentuk dan Pembangunan modul WATAK bagi kemahiran membina ayat bahasa Melayu di SJKT berdasarkan kesepakatan kumpulan pakar?

2.1 Apakah objektif yang sesuai dimasukkan dalam modul WATAK bagi kemahiran membina ayat bahasa Melayu di SJKT dari aspek murid dan aspek guru berdasarkan kesepakatan kumpulan pakar?

2.2 Apakah cakupan Standard Kandungan (SK), Standard Pembelajaran (SP) dan aspek Tatabahasa yang sesuai dimasukkan dalam modul WATAK bagi kemahiran membina ayat bahasa Melayu di SJKT berdasarkan kesepakatan kumpulan pakar?

2.3 Apakah isi kandungan modul yang sesuai dimasukkan dalam modul WATAK bagi kemahiran membina ayat bahasa Melayu di SJKT berdasarkan kesepakatan kumpulan pakar?

2.4 Apakah strategi penyampaian latihan yang sesuai dimasukkan dalam modul WATAK bagi kemahiran membina ayat bahasa Melayu di SJKT berdasarkan kesepakatan kumpulan pakar?

2.5 Apakah pelaksanaan penilaian yang sesuai dimasukkan dalam modul WATAK bagi kemahiran membina ayat bahasa Melayu di SJKT berdasarkan kesepakatan kumpulan pakar?

Fasa 3: Penilaian Kebolehgunaan Modul WATAK

Apakah kebolehgunaan modul WATAK bagi kemahiran membina ayat bahasa Melayu di SJKT berdasarkan pandangan guru pelaksana bahasa Melayu?

3.1 Apakah pandangan kumpulan pelaksana terhadap kesesuaian komponen utama modul WATAK bagi kemahiran membina ayat bahasa Melayu di SJKT?

3.2 Apakah pandangan kumpulan pelaksana terhadap kesesuaian komponen objektif aspek guru dan murid yang terdapat dalam modul WATAK bagi kemahiran membina ayat bahasa Melayu di SJKT?

3.3 Apakah pandangan kumpulan pelaksana terhadap kesesuaian komponen isi kandungan yang terdapat dalam modul WATAK bagi kemahiran membina ayat bahasa Melayu di SJKT?

3.4 Apakah pandangan kumpulan pelaksana terhadap kesesuaian komponen strategi penyampaian latihan yang terdapat dalam modul WATAK bagi kemahiran membina ayat bahasa Melayu di SJKT?

3.5 Apakah pandangan kumpulan pelaksana terhadap kesesuaian komponen keberkesanan yang terdapat dalam modul WATAK bagi kemahiran membina ayat bahasa Melayu di SJKT?

3.6 Apakah pandangan kumpulan pelaksana terhadap kesesuaian komponen pelaksanaan penilaian yang terdapat dalam modul WATAK bagi kemahiran membina ayat bahasa Melayu di SJKT?

3.7 Apakah pandangan kumpulan pelaksana terhadap kesesuaian komponen keseluruhan kebolehgunaan modul WATAK bagi kemahiran membina ayat bahasa Melayu di SJKT?

1.7 Kepentingan Kajian

1.7.1 Kepentingan Modul kepada Murid

i. Murid dapat belajar mengikut tahap penguasaan masing-masing dengan menggunakan modul ini. Murid yang lemah akan melakukan pemulihan manakala murid yang pintar akan melakukan pengayaan. Penyediaan bentuk jadual membolehkan murid mengisi jawapan mengikut tahap penguasaan mereka. Setiap murid walaupun murid galus mahupun murid pemulihan pasti dapat mengisi sekurang-kurangnya dua petak dalam setiap jadual sehingga dapat mencapai TP3.

ii. Murid dapat mengenal pasti tahap kefahaman mereka terhadap pembinaan ayat berdasarkan setiap tema atau unit. Gaya pembelajaran sekuential membolehkan murid menjalani pembelajaran secara berperingkat, teratur dan beralih dari senang ke kompleks membuatkan murid mencapai tahap penguasaan hingga TP6.

iii. Pendekatan gaya pembelajaran sekuential yang menekankan pembelajaran secara langkah demi langkah serta penerangan secara teratur dan terperinci dengan kaedah Jadual Ansur Maju (JAM) menyumbang kepada pembelajaran sendiri dalam kalangan murid sekolah Tamil. Dengan menggunakan modul ini secara berterusan, murid dapat menjalankan pembelajaran sendiri dan mampu mencapai tahap penguasaan yang tinggi tanpa bimbingan guru selepas waktu persekolahan.

1.7.2 Kepentingan Modul kepada Guru

- i. Guru dapat menilai pencapaian murid melalui latihan ansur maju yang disediakan berdasarkan lapan tema mengikut buku teks bahasa Melayu Tahun Empat SJKT dengan menyemak jadual yang diisi oleh setiap murid semasa membuat latihan membina ayat. Guru secara tidak langsung dapat mengenal pasti murid yang lemah untuk menjalani pemulihan dan murid yang pintar untuk pengayaan.
- ii. Modul ini boleh dijadikan sebagai alat bantu mengajar disebabkan isi kandungan modul menepati SP dan SK seperti yang ditentukan oleh DSKP. Terdapat banyak aktiviti yang boleh dilakukan secara perseorangan atau berkumpulan. Pada masa yang sama, kos mencetak atau fotostat tidak menelan perbelanjaan yang tinggi. Guru juga boleh memaparkan modul ini yang dimuat naik dalam telegram sekolah melalui *smartboard* atau *LCD* semasa PdP.
- iii. Modul ini juga boleh digunakan sekiranya guru tiada di dalam kelas atas sebab-sebab tertentu. Oleh itu, masa murid akan diisi dengan aktiviti yang berfaedah seterusnya dapat memastikan semua topik dapat dipelajari dalam jangka waktu yang ditetapkan sebelum pentaksiran.
- iv. Modul ini berupaya membantu guru-guru bahasa Melayu memperkenalkan kaedah pengajaran menggunakan pendekatan yang baharu dengan mengaplikasikan gaya pembelajaran sekuenial. Melalui kaedah berbentuk

jadual secara ansur maju aktiviti PdP dapat dilaksanakan kepada murid sekolah Tamil secara berperingkat sehingga membolehkan murid terlibat aktif dan memberi tumpuan lebih semasa aktiviti pembelajaran kemahiran membina ayat.

- v. Guru subjek dapat menjalankan aktiviti ejaan dengan menggunakan kosa kata yang diselitkan di bawah himpunan kosa kata di belakang modul. Dengan ini, guru dapat menekankan teknik hafalan dan murid dapat menambahkan kosa kata dengan ejaan yang betul.
- vi. Guru dapat mendedahkan murid kepada pembinaan ayat dan sekaligus membimbing murid menulis kembali kesemua ayat dalam bentuk perenggan menggunakan kata hubung. Guru dapat menyampaikan dua kemahiran pada masa yang sama iaitu kemahiran membina ayat serta kemahiran membentuk perenggan.
- vii. Guru juga berupaya mengakses modul yang disediakan secara percuma dalam bentuk *anyflip* di alamat <https://anyflip.com/lypcc/mwai/>. Dengan kemudahan ini, guru dapat menyampaikan pengajaran dengan lebih efektif tanpa membazirkan masa untuk mencari bahan bantu mengajar.

1.8 Batasan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk membangunkan dan menilai kebolegunaan modul WATAK bagi meningkatkan penguasaan murid sekolah Tamil dalam menghasilkan struktur ayat yang lengkap dengan tatabahasa yang betul menggunakan kaedah JAM. Kajian hanya difokuskan kepada murid Tahun Empat yang belajar di sekolah Tamil. Limitasi kajian ini terhad kepada 134 buah sekolah Tamil yang terdapat di negeri Perak sahaja. Daripada 134 buah sekolah, seramai 119 orang guru dipilih sebagai sampel kajian. Pemilihan sampel kajian bagi Fasa I analisis keperluan adalah terhad kepada guru subjek yang mengajar bahasa Melayu di SJKT di negeri Perak yang mempunyai pengalaman mengajar lebih daripada lima tahun. Tumpuan reka bentuk modul WATAK adalah mengikut konsensus pakar melalui pendekatan Teknik *Fuzzy Delphi* dan pembangunan menggunakan pendekatan kaedah ansur maju yang menjurus kepada gaya pembelajaran sekuenial. Kandungan modul ini juga terhad kepada kemahiran membina ayat sahaja dalam bahagian penulisan.

1.9 Kerangka Konseptual Kajian

Kerangka konseptual ialah satu bentuk kerangka yang menjelaskan konsep kajian seperti bentuk kajian, hala tuju kajian, format kajian dan fasa-fasa yang terdapat dalam kajian secara ringkas dan padat. Maxwell (2005), pula menyatakan bahawa kerangka konseptual adalah model yang dirancang untuk belajar manakala (Norwood et al., 2006), pula menyatakan kerangka konsep adalah kerangka yang lebih tentatif tetapi belum dibangunkan secara sepenuhnya.




Kajian ini pada asalnya mempunyai tiga fasa sahaja tetapi telah dipecahkan menjadi empat fasa oleh penyelidik seperti mana yang disyorkan oleh Saedah Siraj (2008). Penyelidik bertindak demikian agar dapat menjelaskan setiap fasa dengan lebih mudah dan terperinci. Kajian ini dimulakan dengan fasa analisis keperluan. Fasa ini amat penting kerana akan memberikan gambaran awal tentang keperluan pembinaan modul WATAK untuk guru subjek yang mengajar Tahun Empat di SJKT. Untuk melaksanakan fasa ini dengan jayanya, penyelidik telah menggunakan model McKillip (McKilip, 1987) sebagai model sandaran. Sebagai instrumen untuk fasa ini, soal selidik telah digunakan oleh penyelidik. Soal selidik tersebut telah diedarkan kepada 188 orang guru yang mengajabahasa Melayu bagi murid Tahun Empat sekolah Tamil di negeri Perak. Penyelidik telah menggunakan perisian SPSS Versi 22 untuk menganalisis data tersebut. Data-data responden telah dianalisis secara skor min, sisihan piawai dan peratus. Pada akhir fasa tersebut, penyelidik telah menggunakan data fasa analisis keperluan, data kajian lampau dan kaedah analisis dokumen, DSKP dan buku teks Bahasa Melayu Tahun Empat SJKT untuk membawa kajian ini ke fasa kedua.

Bagi Fasa II iaitu, reka bentuk dan pembangunan pula, pembinaan kerangka modul WATAK adalah mengikut persepakatan pakar melalui pendekatan teknik *Fuzzy Delphi* dan pembangunan modul berteraskan Model Kurikulum TABA dan Model Pembinaan Modul Sidek serta didasari oleh Teori Konstruktivisme dan Teori Behaviorisme. Kandungan modul pembelajaran ini bertumpu kepada gaya pembelajaran sekquential yang menekankan kaedah ansur maju dengan melibatkan lapan buah tema seperti yang terkandung dalam Buku Teks Bahasa Melayu Tahun Empat serta DSKP (semakan 2017) bagi sekolah Tamil selepas mendapat persepakatan oleh



kumpulan pakar. Responden kajian yang dilibatkan dalam fasa reka bentuk dan pembangunan modul WATAK yang terdiri daripada 18 pakar yang mempunyai pengalaman luas dalam bidang bahasa.

Dalam kajian ini, bagi Fasa III penyelidik menggunakan pendekatan Teknik Kumpulan Nominal (*modified NGT*) yang lebih menitik beratkan pengujian modul dalam aspek kebolehgunaan modul yang dihasilkan dengan melibatkan kumpulan pelaksana yang terdiri daripada guru-guru sekolah Tamil yang mengajar bahasa Melayu untuk murid Tahun Empat. Melalui pendekatan NGT ini, kebolehgunaan modul dapat dikenalpasti dan ini akan menjadi bukti kukuh terhadap keberkesanan modul apabila guru menggunakannya sebagai bahan sokongan semasa mengajar kemahiran membina ayat untuk murid sekolah Tamil yang belajar dalam Tahun Empat. Rajah 1.1 menunjukkan kerangka konseptual kajian bagi pembangunan modul WATAK untuk murid Tahun Empat di SJKT berdasarkan pendekatan Reka bentuk dan Pembangunan (DDR).



Rajah 1.1. Kerangka Konseptual Kajian Pembangunan Modul WATAK (Adaptasi daripada Kerangka Konseptual Kajian Pembangunan Modul m-Pembelajaran Bahasa Arab (M-Mu'allim) di IPG



Berdasarkan kepada pembangunan modul WATAK yang dibangunkan oleh penyelidik, setiap fasa mewakili peranan tertentu dalam menjayakan kajian ini. Kesimpulannya, tanpa kerangka kajian, penyelidik tidak akan mendapat panduan yang tepat ketika melaksanakan kajiannya seperti mana yang disyorkan oleh Ghazali Darusalam dan Sufean Hussin (2016). Dalam kerangka konseptual pemilihan teori dan model amat penting agar penyelidik dapat menghasilkan kajian yang berkualiti.

1.10 Definisi Istilah

Berikut dinyatakan beberapa istilah bagi perkataan atau rangkai kata bagi tajuk kajian penyelidikan ini. Perkara ini perlu untuk kefahaman yang tepat dan jitu bagi tajuk kajian



supaya tujuan penyelidikan dapat dicapai secara maksimum.

1.10.1 Modul WATAK

Russell (1974), mendefinisikan modul sebagai satu set arahan yang mengandungi kandungan konsep utama isi pelajaran. Dalam kajian ini, modul merujuk kepada modul pengajaran dan pembelajaran yang dibangunkan berdasarkan kesepakatan pakar melalui Teknik *Fuzzy Delphi* yang berteraskan pendekatan penyelidikan dan pembangunan (DDR). Dalam modul ini, kaedah Jadual Ansur Maju (JAM) yang menjurus kepada gaya pembelajaran sekuntial diselitkan demi membantu murid untuk menyusun perkataan, membina ayat dengan tatabahasa yang betul serta membentuk perenggan pendek. WATAK adalah akronim daripada perkataan (W) bagi 'Watak', (A)





bagi ‘Aktiviti’, (T) bagi ‘Tempat’, (A) bagi ‘Alatan’ dan (K) merujuk kepada ‘Keterangan’. Dalam kajian ini, modul WATAK dihasilkan dan dibentuk berdasarkan elemen-elemen Model Kurikulum TABA dan Model Pembinaan Model Sidek serta menggunakan Teknik *Fuzzy Delphi* dalam membangunkan kerangka modul berdasarkan kesepakatan oleh kumpulan pakar. Perkara yang diberi penekanan semasa membangunkan modul ini adalah a) DSKP Bahasa Melayu Tahun Empat SJKT b) Standard Kandungan dan Standard Pembelajaran Kemahiran Menulis c) Ujian formatif (PBD) serta (PBS) d) Tahap Penguasaan (TP) untuk mengukur pencapaian murid.

1.10.2 Kemahiran Membina Ayat



05-4506832 Definisi kemahiran menulis mengikut DSKP Bahasa Melayu KSSR, merujuk kepada ptbupsi

keupayaan murid menulis perkataan, membina ayat yang gramatis dengan tanda baca dan ejaan yang betul, serta tulisan yang jelas dan kemas. Salleh Abbas (2006), mendefinisikan keterampilan menulis sebagai kemampuan mengungkapkan gagasan, pendapat dan perasaan kepada pihak lain melalui bahasa tulis. Kemahiran membina ayat dalam kajian ini, merujuk kepada beberapa Standard Prestasi Kemahiran Menulis yang menekankan penghasilan struktur ayat yang lengkap dengan tatabahasa yang betul. Selain itu, kajian ini menekankan pembinaan ayat yang betul dan tepat berdasarkan kaedah Jadual Ansur Maju (JAM) bagi membolehkan semua kategori murid mencapai kemahiran membina ayat dengan TP yang tinggi. Dalam kajian ini juga, pembinaan ayat berdasarkan gambar serta kata kerja mengikut tema buku teks Tahun Empat SJKT digunakan demi membantu murid membina ayat dengan subjek, predikat serta sintaksis yang betul.





1.10.3 Murid Tahun Empat Sekolah Rendah Tamil (SJKT)

Berdasarkan Kamus Dewan Edisi Keempat (2010), murid bermaksud orang atau anak yang sedang belajar atau berguru, pelajar, penuntut. Kajian ini melibatkan murid-murid Tahap II di sekolah rendah Tamil yang sedang belajar dalam Tahun Empat. Kategori murid Tahun Empat ini tergolong dalam usia sepuluh tahun. Murid sekolah Tamil ini menggunakan bahasa Tamil sebagai bahasa pertama dan bahasa Melayu iaitu bahasa Kebangsaan yang berkemungkinan sebagai bahasa kedua atau ketiga. Golongan ini, merupakan kategori yang melangkah dari Tahap I dan memasuki Tahap II. Oleh yang demikian, murid-murid Tahun Empat ini mula mempelajari Standard Kandungan (SK) dan Standard Pembelajaran (SP) serta tafsiran TP pada aras yang lebih tinggi berbanding Tahun Tiga.



1.10.4 Gaya Pembelajaran Sekuential

Gaya pembelajaran merujuk kepada ciri-ciri, kekuatan dan kesukaan seseorang dalam cara menerima dan memproses sesuatu maklumat (Felder & Silverman, 1988). Gaya pembelajaran sekuential adalah salah satu daripada empat gaya pembelajaran dalam model gaya pembelajaran Felder-Silverman (Felder & Silverman, 1988). Seseorang dengan gaya pembelajaran ini mampu memahami sesuatu apabila disampaikan dalam bentuk urutan mudah kepada kompleks. Dalam kajian ini, gaya pembelajaran sekuential merujuk kepada bentuk latihan yang diberikan dalam modul WATAK. Ansur maju dalam kajian ini bermakna latihan membina ayat bermula daripada dua elemen iaitu (subjek + kata kerja), lepas itu dikembangkan dengan elemen (lokasi/tempat),





kemudian, ditambah dengan elemen (alat) dan akhir sekali ditambah dengan elemen (keterangan). Penambahan setiap elemen ini dalam setiap unit membantu murid menjalani pembelajaran secara ansur maju seperti yang disarankan dalam gaya pembelajaran sekutorial.

1.11 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, bab ini menerangkan dan menghuraikan latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, tujuan kajian, persoalan kajian, kepentingan kajian, batasan kajian, kerangka konseptual kajian dan definisi istilah-istilah penting berkaitan dengan kajian yang bertujuan untuk mengatasi masalah pembinaan struktur ayat yang lengkap dengan tata bahasa yang betul dalam kalangan murid Tahun Empat di sekolah Tamil.

